

**PENGUATKUASAAN PINDAAN PERATURAN BAGI PERAKUAN PENILAIAN TESIS/DISERTASI
OLEH JAWATANKUASA VIVA**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Tuan/Puan,

Mesyuarat Senat Kali ke-158 Bil. 9/2017 bertarikh 20 September 2017 telah meluluskan pindaan bagi Cadangan Penilaian Disertasi/Tesis oleh Jawatankuasa Mesyuarat Viva. Semua pelajar program Sarjana yang menjalani sesi viva akan menggunakan pindaan perakuan penilaian berkuat kuasa pada **15 Februari 2018**. Pindaan yang diluluskan adalah seperti berikut.

Jawatankuasa Viva memperakukan calon:

- dianugerahkan Ijazah Sarjana kepada pelajar tanpa pindaan kepada disertasi/tesis; atau
- dianugerahkan Ijazah Sarjana kepada pelajar tertakluk kepada **pembetulan kecil** seperti kesilapan taip, ejaan, tanda baca, memperjelaskan fakta, hujah dan kesimpulan seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi **satu (1) bulan** untuk memperbaikinya. Pembetulan disertasi/tesis hanya perlu disahkan oleh Penyelia sahaja; atau
- dianugerahkan Ijazah Sarjana kepada pelajar tertakluk kepada **pembetulan sederhana besar** seperti memperjelaskan fakta, hujah dan kesimpulan serta menulis semula sebahagian daripada disertasi/tesis seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi **tiga (3) bulan** untuk memperbaikinya. Pembetulan disertasi/tesis hanya perlu disahkan oleh Penyelia dan Pemeriksa Dalam jika diputuskan dalam Mesyuarat Viva; atau
- dianugerahkan Ijazah Sarjana kepada pelajar tertakluk kepada **pembetulan besar** seperti menganalisis semula data, membuat semula kesimpulan dan menulis semula sebahagian disertasi/tesis. Disertasi/Tesis yang diperbaiki ini perlu diperiksa semula dan diperakukan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi **enam (6) bulan** untuk membuat pindaan; atau
- Gagal dan tidak dianugerahkan Ijazah Sarjana.

Untuk sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, sila hubungi Unit Penyeliaan dan Disertasi di talian 05 450 5480/5485. Sekian untuk makluman.